A

Hisyamudin bin Ahmad lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO JA-42JSKH-1–06 TAHUN 2018
MAT GHANI PK
25 JANUARI 2019

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Perayu dituduh melakukan kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersekali dengan s 16 — Perayu disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman — Sama ada hakim bicara gagal mengambil kira pengakuan bersalah oleh perayu — Sama ada keputusan hukuman berjalan secara berturut-turut tepat — Sama ada hukuman yang dijatuhkan hakim bicara memadai dan berpatutan — Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ss 14(a) & 16*

D

E Perayu telah dituduh melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ('Akta') dan dibaca bersekali dengan s 16 Akta. Pada mulanya perayu memohon untuk dibicarakan dan telah dijalankan perbicaraan dengan tiga orang saksi pendakwaan dipanggil. Setelah saksi ketiga memberi keterangan, perayu telah mengaku salah dan telah faham sifat akibat pengakuan. Perayu didapati bersalah oleh hakim bicara dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara dari tarikh ditangkap dan tiga kali sebatan bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta. Bagi s 16 Akta perayu dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan dua kali sebatan. Hukuman berjalan secara berturut-turut. Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu kepada mahkamah. Di dalam masa yang sama pendakwa raya membuat rayuan silang terhadap hukuman supaya hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap perayu. Isu untuk pertimbangan adalah sama ada hakim bicara gagal mengambil kira pengakuan bersalah oleh perayu.

F

G

H

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan rayuan silang pihak pendakwaan dan mengekalkan keputusan hakim bicara:

(1) Hakim bicara tidak khilaf apabila ia memberi pertimbangan utama kepada prinsip kepentingan awam, kesalahan serius dan peningkatan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak semasa menjatuhkan hukuman. Mahkamah menimbangkan pengakuan bersalah perayu tetapi ia bukanlah satu rukun yang mewajarkan hukuman dikurangkan. Keputusan hakim bicara menjatuhkan hukuman berjalan secara berturut-turut adalah tepat. Perbuatan perayu harus diberhentikan

I

serta-merta, dan cara yang terbaik untuk melindungi masyarakat umum adalah dengan mengurungkan perayu dan menjauhkannya dari masyarakat untuk suatu tempoh yang lama, selain daripada memberi amaran kepada bakal pesalah seperti ini. Oleh yang demikian, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah memadai dan berpatutan untuk memberikan pengajaran kepada perayu dan bakal-bakal pesalah agar tidak melakukan kesalahan yang sama. Menyentuh prinsip penghukuman, hakim bicara tidak tersalah arah dan dengan ini tidak wajar untuk mahkamah mencampur tangan untuk megubah keputusan hakim bicara di dalam rayuan ini (lihat perenggan 18–19 & 23–25).

[English summary

The appellant was charged with an offense punishable under s 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 ('the Act') and read together with s 16 of the Act. The appellant initially requested to be tried and the trial was conducted with three prosecution witnesses had been called. After the third witness gave evidence, the appellant had pleaded guilty and had understood the nature of the plea. The appellant was found guilty by the trial judge and sentenced to 12 years imprisonment from the date of arrest and three strokes of whipping for the offense under s 14(a) of the Act. Under s 16 of the Act the appellant was sentenced to three years imprisonment and two strokes of whipping. The sentences were to run consecutively. Dissatisfied with the decision, the appellant appealed to the court. At the same time, the prosecutor appealed against the sentence so that a heavier sentence would be imposed on the appellant. The issue for consideration was whether the trial judge failed to consider the appellant's guilty plea.

Held, dismissed the appellant's appeal and the prosecution's cross-appeal and affirming the decision of the trial judge:

(1) The trial judge did not err when it gave main consideration to the principles of public interest, serious offenses and increased sexual offenses against children during sentencing. The court considered the appellant's guilty plea but it was not a principle that justified a reduced sentence. The decision of the trial judge sentencing the sentence to run consecutively was correct. The appellant's actions should be stopped immediately, and the best way to protect the public was to suspend the appellant and keep him out of the community for a long period of time, other than to warn such offenders. Accordingly, the sentence imposed by the trial judge was sufficient and reasonable to give a lesson to the appellant and potential offenders not to commit the same offenses. Touching on the principle of sentencing, the trial judge was not in the wrong direction and therefore it was not appropriate for the court to intervene to change the judge's decision in this appeal (see paras 18–19 & 23–25).]

Kes-kes yang dirujuk

Azwel bin Mohd Ali lwn Pendakwa Raya [2013] 1 MLJ 253; [2012] 6 CLJ 809, MR (dirujuk)

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)

Bhandulananda Jayatilake v PP [1981] 2 MLJ 354; [1981] 1 LNS 139 (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, MR (dirujuk)

PP v Leo Say & Ors [1985] MLJU 2; [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ Rep 683, MT (dirujuk)

PP v Sulaiman bin Ahmad [1993] 1 MLJ 74; [1992] 3 CLJ Rep 447; [1992] 4 CLJ 2283, MT (dirujuk)

The State of Karnataka vs Krishnappa AIR 2000 SC 1470, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ss 14, 14(a), 16

Kanun Keseksaan s 377C

Muhammad Taufik bin Saberi (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak plaintif.

Mohd Tarmeze bin Mohd Taib (Tarmeze & Assoc) bagi pihak defendan.

Mat Ghani PK:

LATAR BELAKANG

[1] Tertuduh/perayu telah dituduh melakukan satu kesalahan seksual ke atas seorang anaknya sendiri yang masih bawah umur, iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersekali dengan s 16 Akta yang sama.

[2] Di dalam kes ini pada mulanya perayu mula memohon untuk dibicarakan dan telah dijalankan perbicaraan dengan tiga orang saksi pendakwaan dipanggil. Setelah saksi ketiga ('SP3') memberi keterangan, perayu telah mengaku salah dan telah faham sifat akibat pengakuan. Perayu didapati bersalah oleh hakim bicara dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara dari tarikh ditangkap dan tiga kali sebatan bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Bagi s 16 Akta yang sama perayu dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan dua kali sebatan. Hukuman berjalan secara berturut-turut. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh/perayu telah merayu kepada mahkamah ini. Di dalam masa yang sama pendakwa raya membuat rayuan silang terhadap hukuman supaya hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap perayu.

[3] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak mahkamah ini memutuskan untuk menolak rayuan tertuduh/perayu dan juga rayuan silang pihak pendakwaan dan mengekalkan keputusan HMS. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, OKT/perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan kepada keputusan tersebut. Untuk senang memahami pihak-pihak dirujuk seperti di dalam kes semasa perbicaraan di hadapan HMS.

PERTUDUHAN

[4] Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 8 November 2017 jam lebih kurang 8.00 malam sehingga 9.00 malam, di No. 1 Jalan Mewah Kampung Melayu Majidee di dalam daerah Johor Bahru, di dalam negeri Johor telah melaku amang seksual fizikal ke atas Nur Balqis Batrisya binti Hishamudin, No. K/P: 081104-01-1458 dengan cara menyentuh kemaluannya. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama seksyen 16 Akta yang sama.

FAKTA KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Fakta kes pertuduhan yang dibentangkan oleh HMS seperti keterangan saksi-saksi khususnya SP3 yang merupakan mangsa dalam kes ini adalah seperti berikut: SP1 ialah isteri kepada OKT. Hasil perkahwinan mereka, SP1 dan OKT mempunyai lima orang anak. SP3 merupakan anak yang ketiga daripada lima orang adik beradik. Pada 8 November 2017 jam 5.20 petang, ketika SP1 bekerja sebagai jurujual di City Square Johor Bahru, OKT menghantar khidmat pesanan ringkas yang berbaur ugutan untuk buat perkara tidak baik kepada anak mereka. Menurut SP1 kandungan pesanan ringkas tersebut mengandungi perkataan 'jangan aku sampai rogol anak engkau satu-satu'. SP1 menjawab akan melapor kepada polis sekiranya OKT buat perkara tersebut.

[6] Kemudian pada jam 8 malam, anak SP1 ('SP2') menghantar pesanan ringkas memberitahu SP1 bahawa OKT ada di rumah. SP1 memesan kepada SP2 supaya jauhkan diri daripada OKT dan menjaga adik-adik perempuan. Lebih kurang jam 9.20 malam, SP2 memberitahu SP1 melalui pesanan ringkas adik bongsu SP2, Nur Qaseh Zulaikha ada di dalam bilik bersama OKT. Lima minit kemudian menurut SP2 mangsa ('SP3') juga berada bersama OKT di dalam bilik.

[7] Mengikut keterangan SP2 lagi, selepas SP3 masuk ke dalam bilik tersebut, beliau mendengar 'kangkang luas sedikit'. SP2 mendengar suara SP3 macam keadaan sakit. SP2 keluar pergi ke arah tingkap bahagian bilik untuk melihat apa yang OKT buat. Menurut SP2 tingkap kaca hanya boleh dibuka

sedikit dan telefon bimbitnya boleh masuk sedikit. SP2 sempat merakam kejadian yang berlaku di dalam bilik tersebut. Menurut SP2 dalam rakaman video melalui telefon bimbitnya beliau melihat 'ayah tengah melutut di tengah kelangkang mangsa (SP3) sambil memegang handphone. 'Ayah tengah injut, bergoyang-goyang. Ayah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan Balqis ... Ayah tidak berbaju dan tidak berseluar. Balqis tidak berpakaian'.

[8] SP3 menyatakan semasa di dalam bilik OKT mengajak beliau minum air arak. SP3 mengetahui air arak kerana ketika itu SP3 melihat botol. OKT menyuruh mangsa baring di atas katil. Mangsa ketika itu juga ada di atas katil tengok televisyen. Menurut mangsa, OKT merogolnya. OKT masuk 'bebird' ke dalam di tempat air kencing SP3. SP3 mengetahui OKT masuk 'bebird' kerana SP3 merasa sakit. SP3 nampak OKT bogel. Selepas masuk 'bebird', OKT keluar air putih di atas perut mangsa (SP3). Mangsa menyatakan OKT mencuba masuk bebird di tempat air kencingnya sebanyak dua kali tetapi tidak masuk. Pada kali ketiga OKT menggunakan jari dan masuk. OKT memegang 'bebird' dan 'bebird' yang masuk.

[9] Berdasarkan percakapan dan pemeriksaan awal pegawai perubatan (P20) di kemaluan SP3 terdapat kecederaan 'abrasion posterior fouchetta'.

ALASAN HAKIM BICARA

[10] Di dalam penghakiman HMS, beliau mengatakan bahawa antara mitigasi OKT adalah pengakuan salah dan tiada rekod sabitan lampau. OKT juga insaf atas kejadian yang berlaku. Pertimbangan fakta kes, perlakuan yang dilakukan oleh OKT terhadap anak kandungnya merupakan satu kesalahan yang amat serius dan sewajarnya dipandang keji dan jijik. Pengakuan salah perayu dan fakta tiada rekod sabitan lampau, bukanlah faktor kukuh untuk mengenepikan faktor kepentingan awam — lihat kes *Azwel bin Mohd Ali lwn Pendakwa Raya* [2013] 1 MLJ 253; [2012] 6 CLJ 809. Faktor-faktor mitigasi ini tidak boleh diberikan penekanan yang berlebihan di dalam keadaan kesalahan yang dilakukan oleh OKT yang merupakan suatu kesalahan yang serius. Di dalam kes *Public Prosecutor v Leo Say & Ors* [1985] MLJU 2; [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ Rep 683 YA Hakim NH Chan H menyatakan seperti berikut:

> ... The fact that a man has not much of a criminal record or none at all, is not a powerfull factor to be taken into consideration in a case of such gravity ... Although all the 3 accused persons pleaded guilty and they are entitled to some credit for that, it must be set aside against the enormity and seriousness of the crime that they have committed. (Emphasis added.)

[11] Seterusnya HMS mnjelaskan bahawa dalam hal penghukuman ke atas kes-kes yang melibatkan kanak-kanak perempuan yang masih muda, beliau

merasakan agak ketepatan juga untuk mengambil iktibar daripada keputusan kes Mahkamah Agung India dalam *The State of Karnataka vs Krishnappa* AIR 2000 SC 1470.

[12] Selanjutnya HMS menegaskan kepentingan awam menuntut supaya hukuman yang memperlihatkan kutukan masyarakat terhadap kesalahan sebagaimana yang diperlakukan oleh OKT tersebut untuk menjadi amaran yang nyata dan peringatan yang keras bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan seperti dalam kes ini akan menerima padahnya. Hukuman yang sewajarnya menanti mereka. Kesalahan dan perlakuan yang dilakukan oleh OKT itu sendiri memanglah satu perbuatan yang amat keji dan sangat menjijikkan serta boleh memusnahkan institusi kekeluargaan OKT sebagai ketua keluarga sepatutnya bertanggungjawab melindungi, membimbing dan memelihara ahli keluarganya namun OKT bertindak di lular batasan dan tatasusila kemanusiaan

[13] Selain itu HMS menyatakan adalah menjadi tugas mahkamah agar kesalahan yang dilakukan oleh OKT khususnya ini tidak diulangi dan boleh menyampaikan mesej kepada masyarakat awam umumnya supaya ianya tidak berleluasa dan berpendapat satu bentuk hukuman yang boleh menjadi pengajaran kepada OKT perlu dikenakan. Bahkan unsur pencegahan wajar diterjemahkan kepada masyarakat awam umumnya agar perbuatan dan kesalahan seumpama ini tidak berulang dan berleluasa.

DAPATAN MAHKAMAH

[14] Di dalam rayuan ini, perayu diwakili oleh peguambela untuk menghujahkan rayuan agar meringankan hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara. Peguambela bagi pihak perayu berhujah atas satu-satunya isu iaitu hakim bicara gagal mengambil kira pengakuan bersalah oleh tertuduh telah dapat menjimatkan masa mahkamah dan pengurangan penjara haruslah sebanyak 1/3 daripada hukuman yang akan dijatuhkan bagi kesalahan tersebut. Oleh itu, peguambela mendakwa hukuman yang dikenakan oleh hakim bicara adalah berlebihan dan tidak menepati prinsip undang-undang.

[15] Adalah juga menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan meminda sesuatu hukuman hanya disebabkan mereka mungkin menjatuhkan suatu hukuman yang berlainan. Mahkamah yang mendengar rayuan kebiasaannya tidak akan mengubah atau mengganggu sesuatu hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara kecuali hukuman tersebut salah dari segi undang-undang atau ianya terlalu berlebihan atau terlalu tidak mencukupi berasaskan kepada fakta dan keadaan kes.

[16] Prinsip ini ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, di mana Mohamed Dzaidin CJ memutuskan seperti yang berikut:

> ... It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102.

[17] Keadaan yang sama dapat dilihat dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 354; [1981] 1 LNS 139 Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti yang berikut:

> Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

[18] Setelah meneliti alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen, mahkamah tidak ragu-ragu untuk menyatakan hakim mahkamah sesyen tidak khilaf apabila ia memberi pertimbangan utama kepada prinsip kepentingan awam, kesalahan serius dan peningkatan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak semasa menjatuhkan hukuman. Kepentingan awam menghendaki pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan sedemikian dikenakan hukuman yang berat sebagai pengajaran kepada tertuduh dan sebagai peringatan kepada bakal-bakal pesalah yang lain supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama.

[19] Mahkamah ini menimbangkan pengakuan bersalah tertuduh tetapi ingin menekankan bahawa bukanlah satu rukun yang mewajarkan hukuman dikurangkan. Malah mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya untuk tidak mengurangkan hukuman walaupun terdapatnya pengakuan salah dalam keadaan yang sesuai dan keseriusan kes tersebut (*Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572).

[20] Pada hemat mahkamah ini, perbuatan tertuduh yang sengaja memberi minuman keras kepada anaknya kandungnya supaya mabuk agar dia boleh mempergunakan dan mengambil kesempatan terhadap mangsa adalah amat terkutuk dan menjijikan kerana dia bukan sahaja telah mencederakan mangsa. Mangsa didapati mengalami kecederaan 'abrasion at posterior forchette' di bahagian kemaluanya semasa dia melakukan perbuatan terkutuk itu. Perbuatan perayu yang telah mencuba memasukkan kemaluannya ke dalam

kemaluan mangsa sebanyak tiga kali dan kemudian telah memasukkan jarinya adalah juga menjurus kepada kesalahan di bawah s 377C Kanun Keseksaan yang mana membawa hukuman maksima 30 tahun. Oleh perayu bernasib tidak didakwa di bawah pertuduhan tersebut.

[21] Di dalam kes sekarang harus diingatkan bahawa mangsa ialah anak kandung kepada OKT. Semasa kejadian mangsa dalam darjah tiga. OKT mencuba dua kali memasukkan kemaluannya ke atas kemaluan mangsa dan kali ketiga menggunakan jari OKT dan seterusnya mencuba memasukkan kemaluannya ke atas kemaluan mangsa. Semestinya kejadian yang menimpa terhadap mangsa akan terpahat satu pengalaman pahit dan trauma yang akan dilalui oleh mangsa di sepanjang hayatnya.

[22] Peruntukan hukuman di bawah s 14 Akta 792 adalah penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat. Manakala hukuman di bawah s 16 Akta yang sama adalah penjara tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua sebatan. Oleh itu HMS telah menjatuhkan di dalam ruang lingkup hukuman yang betul.

[23] Walaupun HMS tidak memberi alasan kenapa beliau menjatuhkan hukuman di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama s 16 Akta yang sama berjalan secara berturut-turut, akan tetapi mahkamah ini mendapati keputusan tersebut adalah tepat. Ini kerana satelah mengambil kira niat Parlimen yang memperuntukan supaya mengenakan hukuman tambahan terhadap pesalah yang mempunyai perhubungan amanah dengan seseorang kanak-kanak sebagaimana diperuntukan di bawah s 16 Akta tersebut. Peruntukan sedemikian akan menjadi sia-sia sekiranya mahkamah ini menjatuh hukaman secara serentak walaupun kesalahan yang dilakukan adalah dari transaksi yang sama. Pesalah seperti perayu ini harus diasingkan dari masyarakat terutama dari anak-anaknya sendiri.

[24] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa perbuatan tertuduh tersebut harus diberhentikan serta-merta, dan cara yang terbaik untuk melindungi masyarakat umum adalah dengan mengurungkan tertuduh dan menjauhkannya dari masyarakat untuk suatu tempoh yang lama, selain daripada memberi amaran kepada bakal pesalah seperti ini. Sejajar dengan kedudukan undang-undang di dalam kes *Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74; [1992] 3 CLJ Rep 447; [1992] 4 CLJ 2283 yang menyatakan seperti berikut:

> The learned editors of 10 *Halsbury's Laws of England* (3rd Ed) at p 487 state as follows:

The object of punishment is the prevention of crime, and every punishment is intended to have a double effect, namely, to prevent the person who has committed a crime from repeating the act or omission and to prevent other members of the community from committing similar crimes.

As regards the particular offender there are three ways of providing by punishment against the recurrence of any offence:

(1) *by taking from him the power of offending (incapacitation);*

(2) *by taking away the desire of offending (reformation);*

(3) *by making him afraid of offending (intimidation).* (Penekanan ditambah.)

[25] Oleh yang demikian berdasarkan alasan di atas, mahkamah ini berpendapat hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah memadai dan berpatutan untuk memberikan pengajaran kepada tertuduh dan bakal-bakal pesalah agar tidak melakukan kesalahan yang sama seperti di dalam kes ini. Menyentuh prinsip penghukuman, mahkamah ini mendapati hakim bicara tidak tersalah arah dan dengan ini tidak wajar mencampur tangan untuk megubah keputusan hakim bicara di dalam rayuan ini.

Rayuan perayu dan rayuan silang pihak pendakwaan ditolak dan keputusan hakim bicara dikekalkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh